

# Mahathir: Awaşi pemimpin penting diri sendiri

ALOR SETAR, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed hari ini mengingatkan para belia supaya jangan terpengaruh dengan pimpinan yang hanya berjuang untuk kepentingan diri sendiri.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan kursus pimpinan belia daerah Kubang Pasu di Kompleks Belia Jitra, 13 batu dari sini.

Dato Seri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa pemimpin yang tidak bertanggungjawab telah berjaya memeralatkan para belia untuk mencapai tujuan mereka.

Oleh itu tambah beliau, para pemimpin belia hendaklah menjelaskan tujuan pimpinan mereka yang sebenar untuk menentukan masa depan para belia.

Beliau menegaskan pimpinan yang baik boleh menguntungkan masyarakat tetapi kadangkala disalah gunakan oleh setengah pihak untuk kepentingan mereka.

## Mengelirukan

Menurutnya pemimpin-pemimpin boleh mempengaruhi orang lain dan sebab itu setengah mereka telah mengelirukan pengikut-pengikutnya yang mengakibatkan berpecah-belah di kalangan para belia.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, lebih baik para belia mengikut satu arahan pimpinan daripada sepuluh arah.

Menyentuh berkenaan kursus tersebut beliau berharap para peserta dapat pengetahuan yang berguna untuk membimbing mereka menjadi pemimpin masa depan yang bertanggungjawab dan berguna kepada bangsa dan negara.

Timbalan Perdana Menteri itu membandingkan keadaan pimpinan di dalam tentera di mana setiap anggotanya mesti patuh kepada setiap arahan ketua sama ada arahan tersebut akan membahayakan diri anggota itu sendiri.

Ini ujarnya, menjamin bahawa anggota-anggota itu mengikut satu arahan bagi mencapai matlamat yang dituju.

Bahan asal dari Arkib